

1976

KUALA LUMPUR, 13 APRIL (BERNAMA) — MASYARAKAT NEGARA INI PERLU TERDIRI DARI ORANG-ORANG MISKIN DAN KAYA KERANA KEKAYAAN YANG SAMA UNTUK SEMUA IALAH SATU KONTRADIKSI, KATA TIMBALAN PERDANA MENTERI, DR. MAHATHIR MOHAMED.

BERUCAP DI MAJLIS MAKAN MALAM UNTUK KAKITANGAN AKADEMIK FAKULTI SAINS, UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA DI SINI MALAM INI, BELIAU BERKATA, AKIBAT KEKAYAAN YANG SAMA UNTUK SEMUA IALAH KEMISKINAN BAGI ANGGOTA SESEBUAH MASYARAKAT ITU.

KONSEP KONTRADIKSI INI, TAMBAHNYA, BELUM LAGI DIFAHAMI OLEH GOLONGAN SOSIALIS YANG MENGANGGOTAI MASYARAKAT MALAYSIA.

+DALAM MASYARAKAT KITA, ORANG KAYA DAN ORANG MISKIN ADAMAH PERLU KERANA ORANG YANG BERADA MEMBERI EAEDAH KEPADA ORANG MISKIN DAN JUGA NEGARA,+ KATANYA.

DARI KEKAYAAN MEREKA, HASIL BOLEH DIPEROLEHI DAN DIPERCUNAKAN UNTUK MEMBERI KHIDMAT SOSIAL SEPERTI SEKOLAH-SEKOLAH, JALAN-JALAN DAN LAIN-LAINNYA UNTUK KEBAIKAN MASYARAKAT. -- BERSAMBUNG

647:

MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

DR. MAHATHIR YANG JUGA MENTERI PELAJARAN BERKATA, UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA TELAH MENCAPAI KEJAYAAN SEBAGAI UNIVERSITI PERTAMA MENGGUNAKAN BAHASA MALAYSIA WALAUPUN PADA SATU KETIKA DULU TUGAS SERUPA ITU DIANGGAP +MUSTAHIL+.

ADA JUGA SISWAZAH UNIVERSITI TERSEBUT YANG TELAH KELUAR NEGERI UNTUK MELANJUTKAN PELAJARAN MEREKA, TEGASNYA.

+INI MENUNJUKKAN BAHAWA TIDAK ADA SEKIKITPUN KEKURANGAN PADA SEGI PENGGUNAAN BAHASA DALAM MENUNTUT PELAJARAN,+ KATANYA.

NAIB CANSOLOR UNIVERSITI ITU, DATUK DR. ANUWAR MAHMUD BERKATA, UNIVERSITI TERSEBUT AKAN MENGADAKAN SEBUAH JABATAN PENGAJIAN BARU -- JABATAN KAJIHAYAT BAGI TAHUN 1976/77.

BELIAU YAKIN BAHAWA DALAMASA DUA ATAU TIGA TAHUN AKAN DATANG UNIVERSITI KEBANGSAAN MAMPU MENGELUARKAN PAKAR-PAKAR SAINSNYA SENDIRI. --BERNAMA 0021/LK